

KP(BS)8786-70/(13)

Kementerian Pelajaran Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur 01-34.

21hb. Jun, 1978

Pengarah-pengarah Pelajaran,
Semua Negeri.

Tuan,

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1978
Projek Papan Kenyataan Persatuan Pelajaran Malaysia.

Persatuan Pelajaran Malaysia telah menarik perhatian Kementerian Pelajaran tentang berbagai-bagai poster iklan yang dipamerkan di sekolah-sekolah dan setengah daripada poster-poster itu tidak sesuai dengan sekolah-sekolah. Poster-poster iklan ini pula hanya mementing aspek perniagaan sahaja dan sekolah tidak mendapat apa-apa faedah dari poster-poster yang dipamerkan itu.

2. Memandangkan kepada hal ini, Kementerian Pelajaran telah bersetuju dengan Persatuan Pelajaran Malaysia bahawa segala poster-poster iklan di sekolah hendaklah terlebih dahulu diluluskan oleh Kementerian Pelajaran selain daripada poster-poster iklan yang dikendalikan melalui projek papan kenyataan Persatuan Pelajaran Malaysia.

3. Projek Papan Kenyataan Persatuan Pelajaran Malaysia ini ialah seperti berikut:-

Persatuan Pelajaran Malaysia akan menyediakan bagi tiap-tiap sekolah satu papan kenyataan 8' 0" x 4' 0" bercermin seperti di bawah:

Poster	Untuk Sekolah	Poster
Mesej		Mesej


Tiap-tiap poster iklan hendaklah mengandungi salah satu mesej-mesej yang berguna seperti berikut:-

- (1) Menyokong rancangan Buku Hijau.
- (2) Menderma darah dan menyelamatkan nyawa.

- (3) Jangan membuang sampah merata-rata.
(4) Makan buah-buahan tempatan dan membantu para petani kita.
(5) Menghormati dan membantu pihak polis.
(6) Setiap jenayah menerima pembalasan.
(7) Dadah sangat merbahaya.
(8) Menjaga kebersihan bagi mengelakkan denggi.
(9) Bersopan santun terhadap pelawat-pelawat negara kita.
(10) Merokok membahayakan kesihatan.
(11) Fahaman komunis bertentangan dengan kehendak negara.
(12) Amalkan semangat gotong-royong.
(13) Menghargai dan menjaga harta-benda negara.
(14) Hormati kesemua agama masing-masing.
(15) Mencintai dan berbakti kepada tanahair.
(16) Memahami dan mengamalkan Prinsip-prinsip Rukunegara.
(17) Makanlah banyak sayur-sayuran.
(18) Mematuhi undang-undang jalan raya.
(19) Jagalah Alam Sekitar Kita.
(20) Jayakan Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan.
(21) Menghormati dan Taat kepada Ibu Bapa.
(22) Bina Tabiat Suka Membaca.

4. Segala poster-poster iklan akan diawasi oleh Persatuan Pelajaran Malaysia supaya menentukan tidak ada unsur-unsur yang tidak diingini dari segi moral, kebudayaan dan sebagainya. Iklan-iklan rokok, minuman keras, perjudian sama sekali tidak dibenarkan.

Sila beritahu sekolah-sekolah di negeri tuan keputusan ini.



(DATO' HAJI MURAD B. MOHD. NOOR)
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia,
Kementerian Pelajaran Malaysia.

s.k.

1. Ketua Setiausaha Kementerian.
2. Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian (1).
3. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (1).
4. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (2).
5. Pengarah Sekolah-sekolah.
6. Ketua Jemaah Nazir.
7. Pengerusi,
Persatuan Pelajaran Malaysia.
Prof. Dato' Awang Had Salleh.